



18 Julai 2014
18 July 2014
P.U. (A) 216

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (LEBUH RAYA KL-KUALA SELANGOR) (PINDAAN) 2014

FEDERAL ROADS (KL-KUALA SELANGOR EXPRESSWAY) (AMENDMENT) ORDER 2014



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (LEBUH RAYA KL-KUALA SELANGOR)
(PINDAAN) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Selangor, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Lebuh Raya KL-Kuala Selangor) (Pindaan) 2014**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 21 Julai 2014.

Pindaan perenggan 2

2. Perintah Jalan Persekutuan (Lebuh Raya KL-Kuala Selangor) 2011 [P.U. (A) 201/2011], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam perenggan 2 dengan menggantikan subperenggan (1) dengan subperenggan yang berikut:

“(1) Bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuh Raya KL-Kuala Selangor yang bermula dari kilometer 0.00 di koordinat U 366573.829, T 375376.712 Grid *Rectified Skew Orthomorphic* (RSO) Geosentrik (GDM2000) dan berakhir di kilometer 30.70 Lebuh Raya KL-Kuala Selangor di koordinat U 364885.563, T 401792.132 Grid RSO Geosentrik (GDM2000) termasuklah Persimpangan Bertingkat Ijok, Plaza Tol Ijok, Persimpangan Bertingkat Puncak Alam, Plaza Tol Kuang Barat, Plaza Tol Kundang Timur, Persimpangan Bertingkat Kundang, Plaza Tol Kundang Barat, Plaza Tol Kuang Timur, Persimpangan Bertingkat Kuang, Plaza Tol Taman Rimba Templer dan Persimpangan Bertingkat Taman Rimba Templer dan jalan-jalan sambungannya, iaitu suatu jarak sepanjang 30.70 kilometer, diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan.”.